

Wasiat: Konsep dan Pemakaiannya

Yusof Ramli

Abstrak

Dalam undang-undang pusaka Islam (faraidh) tidak semua orang yang mempunyai hubungan darah dengan si mati berhak mendapat bahagian dalam harta pusakanya. Namun demikian peluang masih ada kepada umat Islam untuk memberi sebahagian daripada harta tinggalannya kepada sesiapa sahaja yang disukainya sama ada kepada kaum keluarganya yang tidak berhak mendapat bahagian dalam harta pusakanya atau mereka yang bukan dari kalangan ahli keluarganya. Peluang ini wujud dalam bentuk kebenaran berwasiat pada kadar tertentu. Malah wasiat digalakkan sebagai satu daripada bentuk ibadah kehartaan yang boleh menghasilkan ganjaran daripada Allah dan menyumbang kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat dengan tidak mengenyepikan kepentingan ahli keluarga terdekat yang telah ditentukan oleh Allah sebagai golongan yang berhak ke atas pusakanya. Wasiat boleh menjadi alat penghubung silaturahim antara ahli keluarga yang berlainan agama kerana wasiat boleh dibuat kepada orang bukan Islam. Menyedari betapa pentingnya wasiat dibuat untuk menjamin masalah ahli keluarga yang dhaif yang tidak berhak mewarisi harta pusaka, maka di Malaysia khususnya di negeri Selangor satu undang-undang mengenai wasiat wajib telah diluluskan.

Pendahuluan

Wasiat adalah suatu peluang yang diberi oleh Allah SWT kepada umat Islam untuk meluaskan pembahagian harta pusaka yang mereka tinggalkan kepada orang-orang yang selain daripada yang ditentukan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai ahli waris atau kepada pihak-pihak tertentu yang pada pendapat mereka baik diberikan sebahagian harta mereka. Dengan kebenaran berwasiat juga membolehkan seseorang itu memberikan sebahagian daripada hartanya kepada kaum kerabatnya yang bukan Islam sama ada ibu

bapa, anak-anak atau saudara-saudaranya, di mana mereka itu adalah orang yang tidak berhak mewarisi harta pusakanya mengikut Hukum Faraidh.

Di samping itu dengan berwasiat juga dapat memberi kesempatan kepada tuan punya harta yang belum menunaikan hutang-hutangnya sama ada hutang kepada Allah atau hutang kepada manusia untuk membuat wasiat kepada orang yang ditinggalkan supaya menyempurnakan kewajipan-kewajibannya itu dengan menggunakan harta yang ditinggalkan olehnya. Di Malaysia, hukum wasiat Islam dipakai untuk orang Islam sejak zaman penjajahan lagi. Di peringkat negeri-negeri di Malaysia, setakat ini hanya negeri Selangor yang menganunkan undang-undang wasiat Islam dengan nama Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) yang diguna pakai di negeri Selangor sejak 1999.

Pengertian Wasiat

Wasiat dari segi bahasa berasal daripada perkataan *wāṣṣā* yang bermaksud menghubungkan atau menyampaikan. (Abdul Rashid Hj. Abdul 1986: 14) Maksudnya menghubungkan kebaikan yang diperolehi oleh seseorang daripada hartanya itu semasa hidupnya dengan kebaikan yang mengikutinya kemudian daripada harta yang sama setelah ia meninggal dunia iaitu pahala yang akan diperolehinya di hari akhirat dengan sebab wasiat yang dilakukan olehnya ke atas harta itu. (al-Bakrī t.t.j.4: 199; al-Sharwānī t.t.j.7: 3)

Dari segi istilah pula, menurut ulama-ulama al-Shāfi'ī wasiat adalah pemberian harta secara sukarela yang dibuat kepada orang atau pihak lain sama ada dengan menggunakan perkataan wasiat atau perkataan-perkataan lain yang dapat difahami sebagai membawa makna wasiat, yang mana pemindahan hak milik akibat daripada pemberian itu hanya akan berkuat kuasa selepas kematian si pembuat wasiat. (al-Qalyūbī t.t.j.3: 156); al-Sharbinī t.t.j.2: 39)

Hukum Berwasiat

Pada mulanya hukum berwasiat adalah wajib kepada seseorang Islam sebelum ia mati. Berwasiat untuk memindah miliknya hartanya wajib dibuat kepada ibu bapa dan kaum kerabatnya sebagaimana yang

dinyatakan dalam al-Qur'an yang bermaksud "Kamu diwajibkan, apabila seorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik sebagai satu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa". (al-Baqarah 2: 180) Hukum wajib berwasiat ini kemudiannya diketepikan dengan turunnya ayat-ayat mengenai pusaka yang menetapkan bahagian tiap-tiap ahli waris dalam harta pusaka. Iaitu dalam surah al-Nisā' 4: 11, 12 dan 174.

Semua Mazhab Sunni bersepakat bahwa dengan turunnya ayat-ayat mengenai pusaka itu maka hukum wajib berwasiat dengan itu adalah dimansuhkan. (al-Shāfi'i 1968 j.4: 103; al-Sarakhsi t.t.j.27: 142), maka tinggalkan wasiat sebagai suatu sunat muakkad. (al-Bakri t.t.j.8: 199) Walau bagaimanapun ada di kalangan ulama-ulama Mazhab Shāfi'i (*ba'd al-aṣḥāb*) yang berpendapat bahawa orang yang berhutang atau menyimpan harta orang lain sebagai pemegang amanah adalah wajib membuat wasiat untuk membayar hutangnya atau menyerahkan kembali harta kepunyaan orang lain yang dijaga olehnya semasa hidupnya. (al-Muṭi'i t.t.j.15: 37) Sementara Ibn 'Abd al-Bar, seorang ahli hadith dan sejarah yang terkenal di Cordoba pula menyatakan bahawa ulama-ulama sepakat mengatakan bahawa wasiat tidak wajib kecuali ke atas orang-orang yang padanya ada hak orang lain tanpa keterangan yang jelas dan pemegang amanah yang tidak mempunyai saksi yang meyakinkan. (al-Muṭi'i t.t.j.15: 37)

Galakan supaya melakukan wasiat dapat difahami daripada adanya beberapa ayat al-Qur'an dan hadith yang berkaitan dengannya seperti ayat al-Qur'an yang bermaksud "*Sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutang*". (al-Nisā' 4: 12) Di samping itu terdapat juga hadith yang melarang orang daripada melakukan wasiat kepada ahli-ahli waris itu dalam sebuah hadith yang bermaksud "Sesungguhnya Allah telah memberikan kepada setiap orang yang berhak akan haknya, tidak ada wasiat untuk ahli waris". (al-Nawawī 1338H j.11: 77; Abd al-Wahab Abd al-Laṭīf 1978 j.3: 293)

Orang yang Berhak Memberi, Melaksana dan Menerima Wasiat

Orang yang dibenarkan membuat wasiat ialah seorang '*mukallaf*' yang bebas, bukan seorang hamba sekalipun ia seorang yang bukan

Islam. Orang yang '*mahjur*' yang ditahan daripada menguruskan hartanya sendiri kerana *safih* (bodoh) juga boleh membuat wasiat. Kanak-kanak yang telah '*mumaiyidh*' iaitu kanak-kanak yang telah pandai membezakan antara yang buruk dengan yang baik juga sah berwasiat. (al-Khaṭīb t.t.j.3: 39) Pembuat-pembuat wasiat boleh membatalkan wasiatnya dengan menarik balik wasiat yang dibuat olehnya. (al-Ghamrāwī 1948: 210)

Manakala bagi pelaksana wasiat (*wāṣī*) pula disyaratkan mestilah seorang yang *mukallaḥ*, bebas, adil dan berkeahlian untuk menerima harta yang diwasiatkan kepadanya. (al-Nawawī 1338H: 91) Oleh itu tidak harus melantik *wāṣī* dari kalangan orang fasiq, kanak-kanak, hamba dan orang gila. Kanak-kanak dan orang gila tidak harus melantik *wāṣī* dari kalangan orang fasiq, kanak-kanak, hamba dan orang gila. Kanak-kanak dan orang gila tidak harus dilantik sebagai *wāṣī* kepada sesuatu wasiat kerana mereka adalah orang yang tidak dibenarkan mengurus harta mereka sendiri. Orang kafir pula tidak diharuskan menerima tugas melaksanakan wasiat orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan hak orang Islam di mana orang kafir tidak berhak mengendalikan urusan orang Islam kerana ia bukan ahli *al-wilāyah* kepada orang Islam iaitu bukan orang yang mempunyai kekuasaan ke atas seseorang yang masih di bawah umur untuk mentadbir urusan peribadi seseorang muslim. (al-Qa'ajī 1986j2: 88; al-Muṭī'ī t.t.j.15: 144) Ini juga bererti bahawa orang-orang yang tidak diketahui sakhshiahnya (personalitinya) dan orang yang '*safih*' atau '*Harīm*' (terlalu tua) tidak sah menjadi *wāṣī* bagi melaksanakan sesuatu wasiat. (al-Ghamrāwī 1948: 199)

Kalau *wāṣī* yang dilantik itu adalah orang yang tidak layak melaksanakan tugas tersebut, tetapi kemudian ia layak seperti melantik orang yang fasiq kemudian ia bertaubat, maka perlantikan sebagai *wāṣī* yang diberi kepada orang seperti itu adalah sah.

Mengenai penerima harta wasiat (*al-mūṣā lah*) sekiranya pemberian secara berwasiat itu dibuat kepada seorang hamba dan hamba itu menerima wasiat tersebut, maka harta wasiat itu adalah menjadi milik tuan kepada hamba berkenaan, tetapi sekiranya hamba itu dibebaskan sebelum pembuat wasiat itu mati, maka harta wasiat itu adalah menjadi miliknya. (al-Nawawī 1338H: 89)

Wasiat itu sah dibuat untuk Kafir Ḥarbī yang tidak memerangi orang-orang Islam, *Dhimmī*, (orang bukan Islam yang diberi perlindungan yang berkekalan dan dibenarkan tinggal dalam negara Islam) orang murtad atau kepada yang membunuhnya. Wasiat juga

harus dibuat kepada mana-mana ahli waris sekiranya wasiat itu dipersetujui oleh ahli-ahli warisnya yang lain. Demikian juga wasiat boleh dibuat untuk anak yang masih dalam kandungan dengan syarat anak dalam kandungan itu lahir dalam keadaan hidup. (al-Şharbinī t.t.j.3: 43)

Sekiranya penerima wasiat mati lebih dahulu daripada pembuat wasiat, maka ia tidak berhak ke atas sesuatu yang diwasiatkan itu kerana wasiat itu telahpun terbatal tetapi sekiranya penerima wasiat mati selepas kematian pembuat wasiat dan wasiat itu belum diterima olehnya, maka ahli warisnya berhak membuat penolakan atau penerimaan. (al-Ghamrāwī 1948: 202)

Objek Wasiat

Dari sudut objek atau perkara-perkara yang boleh diwasiatkan didapati bahawa wasiat adalah sah dilakukan ke atas *'ain* harta serta manfaatnya atau manfaat harta itu sahaja tanpa *'ainnya*'. Wasiat juga boleh dibuat kepada sesuatu benda yang belum ada seperti mewasiatkan untuk memberikan buah-buahan hasil dusunnya sedang dusunnya itu masih belum berbuah. Wasiat juga harus dibuat ke atas harta-harta yang tidak berupaya diserahkan olehnya seperti seseorang itu berwasiat memberikan kepada seseorang burung peliharaannya yang sedang berterbangan. (al-Şharbinī t.t.j.3: 46)

Boleh juga berwasiat untuk memberikan harta-harta yang belum menjadi milik seseorang tetapi akan menjadi miliknya selepas ia mati. Wasiat juga boleh dibuat ke atas benda-benda najis yang boleh dimanfaatkan seperti anjing buruan, kulit bangkai yang belum disemak dan sebagainya tetapi tidak sah wasiat ke atas benda-benda najis yang tidak bermanfaat seperti arak dan babi. (Ibid)

Tujuan Berwasiat yang Sah

Wasiat hanya sah dibuat untuk tujuan-tujuan yang baik sahaja seperti membayar hutang, mengerjakan haji dan menjaga urusan kanak-kanak dan orang-orang gila dan berwasiat untuk faedah umum seperti seorang itu berwasiat membina masjid dan menyediakan keperluan-keperluan untuk umat Islam beribadat di masjid itu. Sebaliknya tidak sah berwasiat dengan tujuan berbuat maksiat seperti

berwasiat untuk membina gereja, memperindahkannya atau menyediakan keperluan pengunjungnya dan berwasiat supaya memberi senjata kepada orang-orang kafir *ḥarbī*. (al-Muṭī t.t.j.15: 49) Demikian juga wasiat untuk menulis semula atau mengubah kitab Taurat dan Injil adalah batal, sebabnya ialah kerana wasiat pada asalnya adalah bertujuan untuk mendapatkan kebaikan atau faedah daripada hartanya yang telah terlepas dari tangannya selepas kematiannya.

Ini dinyatakan dalam sebuah hadith Rasulullah SAW yang bermaksud “Sesungguhnya Allah telah bersadaqah kepada kamu dengan 1/3 daripada harta kamu ketika kamu meninggal dunia sebagai tambahan kepada kebaikan untuk kamu.” (‘Abd al-Bāqī t.t.j.2: 904) Artinya Allah telah memberi peluang kepada manusia, khususnya umat Islam bagi menambah kebaikan untuk dirinya daripada harta yang dimilikinya dengan cara mewasiatkan 1/3 daripada harta itu sebelum ia meninggal dunia. Oleh itu sebarang wasiat yang dibuat untuk tujuan maksiat adalah bertentangan dengan tujuan asal wasiat itu kerana wasiat seperti itu tidak membawa sebarang kebaikan.

Kadar Harta yang Boleh Diwasiatkan

Dari segi kadar harta yang boleh diwasiatkan, syarak menetapkan bahawa tidak lebih daripada 1/3 harta yang boleh digunakan untuk tujuan tersebut. Maksud 1/3 harta itu ialah 1/3 daripada harta pembuat wasiat ketika ia meninggal dunia. Sekiranya pembuat wasiat tidak menyebutkan kadar 1/3 itu dalam wasiat yang dibuat olehnya, maka adalah sunat dicukupkan penyempurnaan wasiat itu sehingga kepada batas 1/3 daripada hartanya dengan syarat ahli waris yang ditinggalkan olehnya adalah orang yang kaya (cukup keperluan hidup). (al-Shāfi‘ī 1968 j.4: 30) Tetapi sekiranya ahli-ahli warisnya adalah miskin, maka tidaklah sunat malah makruh dicukupkan hingga 1/3. Ini adalah berdasarkan sebuah Hadith yang bermaksud “Berwasiat dengan 1/3 daripada harta adalah banyak, sesungguhnya kamu meninggalkan ahli waris yang kaya adalah lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin dan meminta-minta belai ihsan daripada orang lain”. (al-Bukhārī t.t.j.4: 3)

Wasiat yang melebihi daripada 1/3 harta adalah batal sekiranya si pewasiat tidak mempunyai ahli waris, tetapi sekiranya ia mempunyai ahli waris maka wasiat yang dibuat melebihi daripada batas 1/3 hartanya itu adalah sah apabila mendapat persetujuan daripada ahli warisnya. (al-Shirāzī j.4: 588) Sekiranya ahli waris tidak bersetuju dengan wasiat itu, maka wasiat itu terbatal setakat yang lebih daripada 1/3 hartanya. Hak ahli waris untuk menolak atau membenarkan wasiat yang lebih daripada 1/3 itu ialah selepas kematian pewasiat.

Kadar yang diambil kira kepada wasiat yang dibuat untuk tujuan sukarela seperti waqaf, *hibah* dan *sadaqah* juga terbatas setakat 1/3 daripada harta pewasiat sahaja. Demikian juga dengan wasiat yang dibuat dengan tujuan untuk melakukan perkara-perkara yang wajib seperti membayar hutang, mengerjakan haji dan membayar zakat juga akan dilaksanakan setakat 1/3 sahaja sekiranya pewasiat menetapkan demikian. Tetapi sekiranya pewasiat tidak menetapkan kadar 1/3 sebagai batas hartanya yang dimaksudkan untuk tujuan melaksanakan perkara-perkara yang wajib atas dirinya, maka semua hartanya boleh digunakan untuk tujuan tersebut (al-Shirāzī j.1: 591)

Penawaran yang telah disempurnakan oleh seseorang semasa hidupnya dalam pemberian untuk tujuan sukarela (*tabarru'*) seperti waqaf, *hibah* dan lain-lain, jika penawaran untuk tujuan itu dibuat dalam masa sihat, maka dianggapkan pemberian itu berlaku ke atas semua hartanya, tetapi sekiranya penawaran itu dibuat semasa sakit yang membawa kepada kematian (*maraf al-maut*) atau dalam keadaan perang sedang berkecamuk atau dalam keadaan dilambung ombak di laut atau ketika berangkat ke medan perang atau perempuan yang dicerai oleh suaminya dan penawaran itu bersambung terus hingga ke masa kematiannya, maka dalam keadaan-keadaan tersebut batas pemberian harta yang diambil kira hanya setakat 1/3 sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa pemberian dalam keadaan tersebut adalah dianggap sebagai wasiat. (al-Nawāwī 1338H: 30) Sekiranya kadar 1/3 daripada hartanya yang dikira sebagai batas wasiat yang sah itu tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak pewasiat sebagaimana yang dibuat semasa pewasiat dalam sakit tenat, maka dalam keadaan itu hendaklah dimulakan dengan yang lebih utama. Contohnya seperti seorang itu berwasiat untuk membiayai pembelajaran Ali, Umar dan Ibrahim di peringkat pengajian tinggi, sedangkan 1/3 daripada hartanya tidak mencukupi untuk membiayai ketiga-tiga mereka serentak, maka dalam keadaan seperti ini

hendaklah harta wasiat itu dimulakan membiayai pembelajaran Ali lebih dahulu jika masih ada baki harta itu barulah digunakan untuk pembelajaran Umar dan seterusnya.

Pembatalan Wasiat

Wasiat adalah suatu kontrak yang harus, tidak lazim atau mengikat. Oleh yang demikian pewasiat boleh menarik balik semua atau sebahagian daripada wasiat yang telah dibuat olehnya. Dia juga boleh mengubah syarat wasiatnya. Hal ini kerana harta tersebut masih dalam miliknya dan dia berhak mengurusnya.

Pembatalan wasiat boleh dilakukan dengan perkataan yang membawa maksud sedemikian. Misalnya pewasiat berkata: saya mansuhkan wasiat itu atau saya membatalkannya atau saya menarik balik wasiat saya atau saya serahkan harta itu untuk diwarisi oleh anak-anak saya.

Perpindahan Milik Harta Wasiat

Pemindahan hak milik daripada pewasiat kepada penerimanya tidak akan berlaku kecuali dengan adanya penerimaan yang dibuat oleh penerima selepas kematian pewasiat sekalipun penerimaan itu tidak dibuat secara serta merta dan kedua-kedua belah pihak boleh menarik balik penawaran dan penerimaan mereka. Sesuatu pemberian dengan wasiat itu adalah dikira terlaksana dengan kematian pewasiat sekiranya wasiat itu ditujukan kepada penerima yang tidak ditentukan seperti wasiat yang ditujukan kepada orang miskin. (al-*Shirāzī* j.1: 590)

Tetapi sekiranya wasiat itu ditujukan kepada orang yang tertentu seperti pemberian berwasiat yang ditujukan kepada seorang yang bernama Ahmad misalnya, maka selepas kematian pembuat wasiat, harta-harta yang diwasiatkan olehnya itu hendaklah dibekukan buat sementara sehingga orang yang kepadanya pemberian harta wasiat itu ditujukan (*al-mūsā lah*) membuat penerimaan atau menolaknya. Kalau ia menerimanya, maka harta itu menjadi miliknya bermula dari saat itu. Tetapi jika dia menolaknya, maka harta itu berpindah menjadi milik ahli-ahli waris si mati. Sekiranya penerima harta wasiat menerima wasiat itu kemudian menolaknya sebelum ia mengambil

dan menguasai (*qabad*), maka gugurlah pemilikan itu daripadanya, tetapi sekiranya orang yang diberi harta wasiat itu membuat penolakan selepas ia menerima dan menguasai harta itu, maka pemilikannya ke atas harta itu tidak gugur (al-Ghamrāwī 1948: 200)

Pemakaian Hukum Wasiat di Malaysia

Dalam baagian ini, tumpuan diberi hanya kepada pemakaiannya di negeri Selangor. Di Selangor sebarang wasiat yang dibuat oleh si mati terhadap harta pusaka tinggalannya adalah diterima setakat yang tidak bertentangan dengan hukum Islam mengenai wasiat. Walau bagaimanapun dalam menentukan sah atau tidaknya wasiat yang dibuat oleh si mati itu pihak yang mentadbirkan urusan penyelesaian harta pusaka berkenaan sama ada Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil, Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia, Pemegang Amanah Raya atau mana-mana pentadbir pusaka yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi dengan pemberian surat kuasa pentadbiran adalah dikehendaki menghubungi Hakim Mahkamah Rendah Syariah di mana harta pusaka itu terletak untuk mendapatkan pengesahan mengenai perkara tersebut. Peraturan ini perlu diikuti jika amaun atau nilai harta wasiat itu tidak melebihi seratus ribu ringgit (RM 100,000). Jika amaun atau nilai harta berkenaan lebih daripada seratus ribu ringgit, pengesahannya hendaklah didapatkan daripada Mahkamah Tinggi Syariah. Kuasa membuat keputusan tersebut adalah terletak di bawah bidang kuasa Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Selangor) 61 (2) b). Sekiranya Hakim Mahkamah Syariah yang berkaitan telah memperakui bahawa wasiat yang dibuat oleh si mati itu adalah sah, maka pihak pentadbir harta pusaka akan membahagikan harta yang diwasiatkan oleh si mati itu kepada penerimanya (*al-mūsā lah*). Sekiranya berlaku pertelingkahan antara ahli-ahli waris tentang sesuatu wasiat itu mereka boleh merayu perkara itu ke Mahkamah Tinggi Syariah, jika pengesahan wasiat itu diperolehi dari Mahkamah Rendah Syariah; tetapi jika pengesahan wasiat itu diperolehi dari Mahkamah Tinggi Syariah, rayuan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah (Ibid, 67(1))

Dalam sejarah, undang-undang Islam yang membataskan pemberian dengan wasiat hanya kepada 1/3 daripada harta juga adalah diikuti oleh Mahkamah-mahkamah Awam. Dalam kes *Sheikh*

Abdul Latif dan lain-lain lwn. Sheikh Elias Bux (1915 1 FMSLR. 204) telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di Selangor bahawa sahnya wasiat seseorang Islam itu hendaklah mengikut undang-undang Islam seperti yang ditadbirkan di Negeri Melayu Bersekutu di mana dalam undang-undang Islam seseorang itu tidak boleh berwasiat lebih daripada 1/3 harta kepunyaannya pada masa ia meninggal dunia dan baki hartanya hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli warisnya mengikut pembahagian yang ditetapkan oleh undang-undang Islam. Manakala dalam kes **Amanullah bin Haji Hasan lwn. Hajjah Jamaliah bt. Shiek Madar** (1975 1 MLJ: 70) pula diputuskan bahawa wasiat yang dibuat oleh seseorang tatkala berada dalam keadaan tidak sedarkan diri adalah tidak sah.

Dalam kes **Siti Binti Yatim lwn. Mohamad Nor Bin Bujai** (1928 6 FMSLR: 135), diputuskan bahawa berwasiat kepada seorang ahli waris tanpa persetujuan ahli waris yang lain adalah dikira tidak sah. Kes ini diputuskan berdasarkan kepada kes-kes di India iaitu kes **Fahmida khanum lwn. Jafri Khanum** (1908) All, 153, di mana dalam kes itu diputuskan bahawa suatu wasiat di mana pembuat wasiat itu cuba mewasiatkan semua hartanya kepada seorang anak perempuannya sahaja dan tidak memberi apa-apa kepada anak perempuannya yang lain adalah tidak sah. Dalam kes **Bafatum lwn. Bilaite Khanum** (1903) 30 Cal. 683, diputuskan bahawa mengikut undang-undang Islam bahawa suatu pemberian melalui wasiat untuk seorang ahli waris adalah tidak sah tanpa persetujuan ahli waris yang lain (JH, II, 218)

Dalam kes **Saeda binti Abu Bakar lwn. Haji Abdul Rahman bin Muhamad Yusop** (1918 FMSLR. 352) pula Mahkamah Tinggi Selangor memutuskan bahawa wasiat yang dibuat untuk menangguhkan pembahagian harta pusaka kepada ahli-ahli waris sehingga ke suatu tempoh yang tertentu iaitu sepuluh tahun selepas kematian si mati adalah juga dianggap batal, kerana dalam undang-undang Islam ahli waris berhak terus mendapat harta pusaka selepas kematian si mati. Ternyata keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah dalam kes-kes tersebut adalah selaras dengan hukum berwasiat dalam Islam. Walau bagaimanapun rayuan kepada Mahkamah Awam untuk menyelesaikan pertikaian mengenai wasiat tidak lagi berguna selepas pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan 1988 dibuat, di mana dalam pindaan itu satu fasal iaitu fasal (1A) telah diwujudkan sebagai tambahan kepada perkara 121, di mana fasal tersebut menyatakan bahawa Mahkamah-mahkamah

yang ditubuhkan di bawah perkara 121 itu tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. (Akta A 704 KH, pindaan 1988, seksyen 8 (c)).

Wasiat Wajib

Negeri Selangor adalah sebuah negeri di Malaysia yang memulakan pengkanunan undang-undang wasiat Islam dengan lulusnya satu enakmen yang dikenali dengan nama Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) No. 4 1999. Dalam enakmen ini ada diperuntukkan wasiat wajibah (wasiat wajib) dibuat kepada cucu daripada anak lelaki. (Enakmen Wasiat Selangor, 4: 27) Dalam perkara ini seseorang yang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah meninggal dunia lebih dahulu daripadanya, cucunya itu dianggap berhak secara wasiat ke atas 1/3 daripada hartanya. Sekiranya kepada cucu berkenaan diwasiatkan untuknya pada kadar yang kurang daripada 1/3 hendaklah diberikan kepadanya pada kadar yang sama sebagaimana ayahnya berhak ke atas harta itu sekiranya dia mati kemudian daripada datuknya.

Cucu daripada anak lelaki itu dianggap tidak berhak mendapat wasiat wajibah sekiranya dia adalah ahli waris atau dia salah seorang daripada ahli waris yang berhak mempusakai harta datuk atau neneknya; dia juga tidak berhak mendapat wasiat wajibah jika kepadanya telah diberi wasiat oleh datuk atau neneknya semasa hidupnya pada kadar yang bersamaan dengan hak yang patut diterima olehnya dalam wasiat wajibah; demikian juga jika datuk atau neneknya telah memberikan sejumlah harta semasa hidup mereka tanpa apa-apa balasan pada kadar yang sama dengan haknya dalam wasiat wajibah. Jika wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada kadar yang berhak diperolehi oleh cucu berkenaan dalam wasiat wajibah, maka hendaklah ditambah sewajarnya. Jika bahagian itu melebihi daripada bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah dianggap sebagai wasiat sukarela yang tertakluk kepada persetujuan ahli-ahli waris si mati.

Kesimpulan

Hukum wasiat dalam menguruskan pembahagian harta pusaka amat penting difahami oleh umat Islam. Ia memberi ruang kepada umat Islam untuk menentukan ke arah mana dan kepada siapa sebahagian daripada harta tinggalan mereka disalurkan, selain daripada diwarisi oleh ahli-ahli warisnya. Memandang kepada faedah yang boleh diperolehi oleh masyarakat Islam daripada pensyari'atan berwasiat, maka umat Islam harus memahami dan menjadikannya satu amalan dalam menguruskan harta tinggalan mereka, lebih-lebih lagi kepada orang-orang yang mempunyai kaum keluarga terdekat yang bukan beragama Islam. Dengan kebenaran berwasiat kepada orang bukan Islam, maka terbukalah peluang kepada mereka untuk memberikan sebahagian daripada harta tinggalan mereka kepada ibu bapa dan kaum kerabat yang mereka kasihi yang tidak beragama Islam. Hukum berwasiat juga boleh dijadikan satu pilihan dalam penyelesaian pembahagian tanah atau harta-harta lain yang tidak boleh dipecah untuk dibahagikan kepada ahli-ahli waris si mati. Caranya ialah dengan mewasiatkan semua harta itu kepada ahli-atau ahli-ahli waris tertentu sahaja. Wasiat seperti ini adalah sah jika dipersetujui oleh semua ahli waris yang lain.

Bibliografi

- Abd al-Wahhāb Abd al-Laṭīf (1978). *Sunan al-Ṭirmīdhī*. j. 3. Dār al-Fīkr.
- Abdul-Rashid Haji Abdul (1986). *Wasiat Dalam Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Bakrī, Abī Bakar. t.t., *I ʿānah āl-Ṭālibīn*. j.3. Miṣr: Dār Ehyā al-Kutub al-ʿArabīyyah.
- al-Bāqī, Muḥammad Fuad ʿAbd. t.t. *Sunān Ibn Mājah*. j. 2. Dār Ehyā al-Turath al-ʿArabī.
- al-Bukhārī. ṭ.ṭ. *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. j. 4. Kaherah: Maṭābiʿ al-Shaʿb.

- al-Ghamrāwī, Muḥammad Zuhri (1948). *Anwar al-Māsālīk*. Singapura.
- al-Khaṭīb, Muḥammad al-Sharbinī t.t. *Mughnī al-Muḥtāj*. j. 3, Dār al-Fikr.
- al-Muṭīʿī, Muḥammād Najīb. t.t. *al-Majmūʿ Sharḥ al-Muhadhdhab*. j. 15. Miṣr: Maṭbaʿah al-Imām.
- al-Nawawī, Maḥyuddīn Abū Zakarīyyā Yahyā bīn Sharf (1981). *Ṣaḥīḥ Muslim*. j. 11, Dār al-Fikr.
- al-Nawāwī (1338H). *Minhāj al-Ṭālibīn*. Kaherah: Muṣṭafā āl-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādh.
- al-Qalyūbī, wa ʿUmairah, Shihāb āl-Dīn. t.t. *Qalyūbī wa ʿUmairah*, j.3. Miṣr: Dār al-Kutub al-ʿArabīyyah ʿIsā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shurakāh.
- al-Sarakhsī, Shams āl-Dīn Abu Bakr Muḥamad. t.t. *al-Mabsūṭ*, j. 27. Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- al-Shāfiʿī (1968). al-Umm. j. 4. Miṣr: Dār al-Shaʿb.
- al-Sharwānī dan Ibn Qāsim. t.t. *Tuḥfah al-Muḥtāj Bisharḥi al-Mīnhāj*. j. 7. Dār Ṣādir.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (2003).
(1915) 1 F.M.S.L.R. 204.
(1918) 1 F.M.S.L.R. 352.
(1928) 6 F.M.S.L.R. 135.
(1975) 1 M.L.J. 30.
- J.H., Jld. III, Bahagian II, Rejab 1403/Mei 1983.
- Mausūʿah al-Fiqh al-Islāmī*. j. 1. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī.
- Qalʿajī, Muḥammād Rawwās (1986). *Mausūʿah Fiqh Ibrāhīm al-Nakhaʿī*. j. 2., Beirut: Dār al-Nafāis.

Undang-undang Malaysia (Akta A704), Akta Perlembagaan
(Pindaan) 1988, Enakmen Wasiat (Negeri Selangor) No 4, 1999.

DR. YUSOF RAMLI, Pensyarah CITU, UiTM Shah Alam